



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْاَهْوَالِ الْاِسلامِ نِغَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

13 RAMADAN 1446H / 14 MAC 2025M

“AL-QURAN: HIDAYAH DAN RAHMAT SEPANJANG ZAMAN”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ مُبَرَّكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنْذِرِينَ ﴿٣﴾ (الدخان: 3)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِالتَّقْوَى اللَّهِ.

فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾ (آل عمران: 102)

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri serta kepada jemaah sekalian, marilah sama-sama kita berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita semua akan memperoleh rahmat Allah, dan menjadi orang-orang yang berjaya di dunia dan akhirat. Bersempena dengan hari memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran pada setiap 17 Ramadan, maka mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“Al-Quran: Hidayah dan Rahmat Sepanjang Zaman”**.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Alhamdulillah, kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT yang masih memberikan kita peluang untuk berada di dalam bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan dan kemuliaan ini. Sesungguhnya Allah telah memuliakan bulan Ramadan dengan pelbagai kelebihan, yang antaranya adalah dengan peristiwa Nuzul Al-Quran. Nuzul Al-Quran merujuk kepada peristiwa diturunkan Al-Quran, yang merupakan mukjizat agung bagi Rasulullah SAW. Peristiwa ini dirakamkan oleh Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ
وَالْفُرْقَانِ ﴿١٨٥﴾

Maksudnya: *“Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan perbezaan (antara yang benar dan yang salah....”*

Secara umumnya, penurunan Al-Quran kepada Rasulullah SAW telah melalui tiga peringkat. Peringkat pertama adalah penurunan Al-Quran ke Luh Mahfuz, sementara peringkat kedua adalah apabila Al-Quran diturunkan secara keseluruhannya ke Bait Al-‘Izzah yang berada di langit dunia. Peristiwa ini berlaku pada malam Al-Qadr, seperti yang difirmankan oleh Allah dalam surah Al-Qadr, ayat 1:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar”.*

Peristiwa Nuzul Al-Quran yang diperingati pada 17 Ramadan setiap tahun pula merujuk kepada peringkat ketiga penurunan Al-Quran, iaitu apabila Al-Quran disampaikan kepada Rasulullah SAW secara beransur-ansur, yang mana wahyu pertama yang disampaikan kepada baginda berlaku pada malam 17 Ramadan.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Sesungguhnya, Al-Quran bukan hanya sekadar mukjizat agung bagi Rasulullah SAW, tetapi lebih daripada itu, ia juga merupakan panduan utama kehidupan manusia. Allah SWT menurunkan panduan, peringatan dan amaran ini supaya semua manusia beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat, serta terhindar daripada kesengsaraan dan azab hari akhirat. Allah berfirman dalam surah Ad-Dukhan, ayat 3:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٣﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab”.

Justeru itu, wajiblah ke atas kita semua untuk sentiasa berusaha menghayati dan mengamalkan segala isi kandungan Al-Quran, agar kehidupan yang kita jalani adalah bertepatan dengan kehendak syariat Islam.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Bulan Ramadan juga dikenali sebagai bulan Al-Quran. Oleh itu, umat Islam amat digalakkan untuk meningkatkan hubungan dengan Al-Quran

dengan memperbanyakkan bacaan, tadabbur dan mengamalkan isi kandungannya. Manfaatkanlah suasana bulan Ramadan ini untuk memperbanyakkan bacaan Al-Quran, sama ada secara bersendirian mahupun secara bertadarus.

Siapa pun kita, sama ada yang sudah mahir membaca Al-Quran, mahupun yang masih baru belajar, usahakanlah untuk mendapatkan fadilat berdamping dengan Al-Quran. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah, Rasulullah SAW bersabda yang **maksudnya**: *“Orang yang mahir dalam membaca al-Quran bersama al-Safarah al-Kiram al-Bararah (malaikat yang mulia) dan bagi yang membaca al-Quran namun tersangkut-sangkut dan berasa susah maka untuknya itu dua ganjaran”.* (Muttafaqun ‘Alaih)

Dua ganjaran yang disebutkan dalam hadis ini adalah ganjaran bagi pembacaannya dan juga ganjaran bagi kepayahan yang dihadapinya dalam membaca Al-Quran. Daripada hadis ini, jelas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sangat menggalakkan kita untuk membaca Al-Quran, walaupun bagi orang yang baru belajar dan belum lagi mahir dalam membacanya.

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIREDAI ALLAH SEKALIAN,

Peluang berada di dalam bulan Ramadan yang Allah kurniakan kepada kita seharusnya dimanfaatkan dengan sebaiknya. Rebutlah kebaikan-kebaikan yang dibukakan kepada kita seluas-luasnya pada bulan yang mulia ini. Apabila kita perhatikan, terlalu banyak pintu-pintu kebaikan yang Allah bukakan untuk kita sepanjang bulan Ramadan, yang tidak ada pada bulan-bulan selainnya. Ini termasuklah ibadah solat sunat tarawih, keberkatan bersahur, peluang memberi makan bagi orang yang

berpuasa, serta banyak lagi ibadah lain yang mempunyai ganjaran khusus masing-masing.

Justeru itu, sama-sama kita usahakan untuk tidak melepaskan peluang melaksanakan ibadah-ibadah ini, yang mudah-mudahan akan menjadi sebab pengampunan dosa-dosa kita. Ini sepertimana sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, yang **bermaksud**: *“Barangsiapa yang mendirikan Ramadan kerana keimanan dan mengharapkan redha daripada Allah SWT, akan diampuni dosanya yang telah lalu”*. (Riwayat Al-Bukhari)

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIREDAI ALLAH SEKALIAN,

Menyimpulkan khutbah pada hari yang mulia ini, khatib ingin menyeru para jemaah sekalian agar sama-sama menghayati bahawa memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran bukan hanya sekadar mengenang peristiwa sejarah. Bahkan lebih dari itu, ia seharusnya menjadi peringatan untuk kita agar sentiasa berdamping dengan Al-Quran, dengan memperbanyakkan bacaannya, tadabbur serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian kita. Mudah-mudahan, kita semua akan mendapatkan ganjaran yang besar daripada Allah SWT dan tidak sekali-kali termasuk dalam kalangan orang yang rugi.

Firman Allah SWT dalam surah Fathir, ayat 29:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تَجَرَّةً لَّنْ تَبُورَ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa*

yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan,

mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan / maklumat lanjut.